

21 JUN 2001

Umno-Pecat

CADANG PECAT MEREKA YANG TERLIBAT POLITIK WANG

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Umno Pulau Pinang hari ini mencadangkan supaya parti memecat mereka yang terlibat dalam politik wang bagi membersihkan Umno daripada gejala negatif itu.

Wakil negeri itu Datuk Mohamed Zain Omar yang berucap pada Perhimpunan Agung Umno di sini berkata tindakan menggantung mereka yang didapati bersalah terbabit dengan politik wang daripada memegang jawatan dalam parti, tidak mencukupi.

Bagaimanapun Umno perlu berhati-hati dengan perkembangan sekarang apabila mereka yang dikenakan tindakan disiplin memboikot aktiviti-aktiviti parti kerana ia boleh melemah dan memecah-belahkan parti, katanya semasa membahaskan ucapan dasar Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ketua Bahagian Umno Balik Pulau itu berkata Umno juga perlu menjelaskan dengan terperinci apa sebenarnya tindakan-tindakan yang dianggap sebagai politik wang oleh parti.

Ini kerana anggota Umno tidak mahu usaha menolong rakyat di peringkat bawahan, oleh pemimpin bawahan, kelak dianggap sebagai terbabit dengan politik wang.

"Bagaimana kalau pemimpin bawahan beri kain pelikat kepada penduduk miskin di kampung. Adakah ia juga politik wang?"

"Bagaimana pula kalau peruntukan pembangunan wakil rakyat dibelanjakan untuk membantu rakyat?" tanya beliau.

Setakat ini Umno telah mengambil tindakan dan amaran terhadap 21 anggota parti setelah didapati bersalah terlibat dalam amalan politik wang oleh Lembaga Disiplin termasuk lima ketua bahagian yang dilucutkan jawatan masing-masing.

-- BERNAMA

JM ZS RON